

Peta Malaysia



» Bandar Sempadan

- ☐ Bandar yang wujud di kawasan sempadan negara
- ☐ Bandar ini berkembang kerana aktiviti keluar masuk pelancong dan aktiviti perdagangan
- ☐ Sebagai contoh, bandar Rantau Panjang (Kelantan) dan Padang Besar (Perlis), dan Serikin (Sarawak)



Padang Besar (Perlis)



Rantau Panjang (Kelantan)

» Bandar Pelabuhan

- ☐ Bandar pelabuhan biasanya terletak berhampiran pinggir pantai
- ☐ Kawasan pelabuhan terlibat dengan aktiviti import dan eksport
- ☐ Sebagai contoh, Pelabuhan Klang (Selangor), Pelabuhan Bintulu (Sarawak), Pelabuhan Busan (Korea Selatan)



» Bandar Perlombongan

- ☐ Kawasan bandar ini muncul kerana aktiviti perlombongan di kawasan sekitarnya seperti petroleum, bijih timah dan emas
- ☐ Aktiviti perlombongan ini menarik ramai penduduk untuk tinggal di situ
- ☐ Contohnya Kerteh (petroleum) di Terengganu, Bintulu (gas asli) di Sarawak, Ipoh (bijih timah) di Perak



Kerteh (Terengganu)



Miri (Sarawak)

» Bandar Pentadbiran

- ☐ Bandar yang berfungsi sebagai bandar pentadbiran merupakan bandar yang paling besar dan paling berkembang
- ☐ Bandar ini menawarkan pelbagai perkhidmatan dan peluang pekerjaan kepada penduduk
- ☐ Sebagai contoh, Kuala Terengganu, Kuching, Alor Setar dan lain-lain

Negeri	Ibu Negeri
1. Perlis	Kangar
2. Pulau Pinang	George Town
3. Kedah	Alor Setar
4. Perak	Ipoh
5. Kelantan	Kota Bharu
6. Terengganu	Kuala Terengganu
7. Pahang	Kuantan
8. Selangor	Shah Alam
9. Negeri Sembilan	Seremban
10. Melaka	Bandaraya Melaka
11. Johor	Johor Bahru
12. Sabah	Kota Kinabalu
13. Sarawak	Kuching



Putrajaya



Kuching



Kota Kinabalu

Di atas peta 1 (Malaysia), di bawah, namakan

- i) Bandar sempadan bertanda J
- ii) Bandar pelabuhan bertanda K
- iii) Bandar perlombongan bertanda L
- iv) Bandar pentadbiran bertanda M



J =

K =

L =

M =
